

Tingkat keyakinan awam terhadap keberkesanan vaksin

Oleh [Prof Dr Azizi Ayob](#) - Mac 2, 2021 @ 11:01am



- Gambar hiasan

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bermula minggu lalu dengan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin menerima suntikan vaksin kumpulan pertama diterima daripada Pfizer-BioNTech.

Ia menjadi teladan dan galakan kepada rakyat supaya sukarela menyokong program ini kerana penerimaan suntikan vaksin diperlukan sekurang-kurangnya 70 hingga 80 peratus penduduk untuk mencapai imunisasi kelompok.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dianggarkan 60 hingga 70 peratus populasi dunia perlu mempunyai daya tahan terhadap COVID-19 bagi membolehkan imuniti kelompok, sekali gus penularannya dapat dikawal.

Imuniti kelompok merujuk keadaan penularan jangkitan penyakit berjangkit tidak dapat berlaku kerana sebahagian besar masyarakat mempunyai daya tahan terhadap penyebab jangkitannya.

Imuniti ini terbina bermula individu, masyarakat setempat, daerah dan seterusnya negeri atau negara. Justeru, imuniti kelompok pada skala besar terhasil daripada pembabitan pelbagai lapisan masyarakat.

Melalui program ini, kerajaan menasaskan vaksin percuma kepada semua warganegara dan bukan warganegara, sekali gus memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk dewasa menerimanya menjelang Februari tahun depan.

Imuniti kelompok ini juga berupaya memberi perlindungan kepada mereka yang mempunyai sistem imun badan rendah kesan penyakit lain.

Antara pesakit memperoleh manfaat daripada imuniti kelompok ialah penghidap kanser dalam rawatan kemoterapi, pesakit diabetes, bayi dan kanak-kanak belum menerima vaksin. Tindakan sukarela menjadi penerima vaksin akan memberi manfaat langsung kepada pesakit lain.

Dalam usaha menggalakkan rakyat terbabit dalam program imunisasi ini, aplikasi MySejahtera boleh digunakan untuk pendaftaran vaksinasi. Kementerian Kesihatan (KKM) juga memaklumkan mereka boleh mendaftar di laman web dibuka pada bulan ini yang mempunyai pautan kepada sistem aplikasi MySejahtera.

Dalam usaha memastikan program ini mencapai matlamat, tidak dapat dinafikan beberapa isu sering dimainkan pihak tertentu terhadap keberkesanan dan maklumat keselamatan vaksin.

Golongan antivaksin dan kumpulan tertentu dalam masyarakat boleh menjadi ancaman dalam usaha melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ke seluruh negara.

Peranan aktif mereka boleh menambahkan kekeliruan, kebimbangan dan kerisauan orang ramai, sekali gus merencatkan usaha kerajaan mencapai skala besar pemberian vaksin.

Pelbagai maklumat kurang tepat dikongsi mengenai kemungkinan kesan sampingan serius akibat vaksin di luar negara. Namun, maklumat itu bukan bersumber pengeluar vaksin atau pihak berkuasa kesihatan serta tidak pernah disahkan secara rasmi.

Ini pelanggaran etika dengan niat memberi tanggapan buruk terhadap vaksin yang akan diambil orang ramai. Malangnya, orang awam mudah terdedah dan percaya apabila melihat video serta gambar penerima jatuh sakit serta penulisan kesan sampingan vaksin.

Sebenarnya, KKM dan pengeluar vaksin memberi maklumat jelas mengenai kesan sampingan dan sesetengah individu tidak layak menerima vaksin COVID-19 kerana risiko penyakit mereka.

Merujuk laporan BBC, suntikan vaksin Novavax di United Kingdom (UK) diberikan sebanyak dua dos menunjukkan keberkesanan sehingga 89.3 peratus dalam mencegah jangkitan COVID-19 dalam kalangan pesakit menyertai Kajian Klinikal Fasa 3.

Vaksin berkenaan juga mampu mencegah sehingga 86 peratus keberkesanan terhadap strain COVID-19 baharu di negara itu.

Mengikut maklumat kerajaan UK, 7.4 juta rakyatnya menerima vaksin COVID-19, manakala maklumat keberkesanan vaksin COVID-19 oleh pengeluar Pfizer-BioNTech dikeluarkan Institut Clalit Research di Tel Aviv dan University Ben Gurion di Negev, Be'er Sheva, Israel menunjukkan keberkesanan vaksin agak baik sebagai pencegah penularan COVID-19.

Kajian klinikal itu menunjukkan vaksin mengurangkan risiko sekitar 57 hingga 94 peratus pada masa kajian dan menurunkan risiko kemasukan pesakit ke wad 74 hingga 87 peratus.

Maklumat kajian klinikal sebegini penting dan berguna kerana memberi keyakinan kepada orang awam terhadap keberkesanan serta memastikan faktor keselamatan apabila vaksin diberikan nanti.

Penulis adalah Timbalan Pengarah Pusat Kajian, Inovasi dan Pembangunan (IRDI), International Medical University (IMU) serta Timbalan Presiden, I-Medik (Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia)